

Helaian Maklumat Produk

Sila baca Helaian Maklumat Produk serta terma dan syarat ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pinjaman Digital SME Express.

1) Apakah produk ini?

- Ini adalah kemudahan Pinjaman Berjangka (TL) bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana dengan perniagaan dan projek yang berdaya maju tetapi tidak mempunyai cagaran untuk mendapatkan pembiayaan
- Tujuan kemudahan ini adalah untuk membiayai keperluan modal kerja am

2) Apakah yang dapat saya peroleh daripada produk ini?

Amaun Pinjaman	Minimum RM20,000 sehingga RM500,000
Tempoh Pinjaman	Minimum 1 tahun sehingga 7 tahun

Kadar Faedah	Kadar Rata daripada 5.90% setahun sehingga 13.78% setahun
Kadar Faedah Efektif	Daripada 10.42% setahun sehingga 24.53% setahun

Nota: Kelulusan permohonan adalah tertakluk pada penilaian dan budi bicara pihak Bank. Tawaran pinjaman akhir akan dinyatakan dalam Surat Tawaran dan Perjanjian Pinjaman jika permohonan pinjaman anda diluluskan.

3) Apakah tanggungjawab saya?

- Ansuran bulanan – Berdasarkan jumlah kemudahan pinjaman termasuk faedah.

4) Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Duti Setem	Seperti yang diperuntukkan dalam Akta Duti Setem 1949 (Disemak 1989)
-------------------	--

Nota: Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, yuran kami tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai akan datang (jika ada) yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang berkaitan. Selepas tarikh berkuat-kuasa untuk pelaksanaan, mana-mana cukai tersebut pada masa hadapan dan di mana berkenaan, pihak Bank berhak untuk mendapatkan semula cukai tersebut daripada syarikat.

5) Apa akan terjadi jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

Faedah ke atas Bayaran Lewat	1% setahun melebihi kadar yang ditetapkan pada mana-mana bahagian prinsipal dan/atau faedah dan/atau sebarang jumlah lain yang tertunggak.
Hak untuk Tolak Selesai	Bank berhak untuk tolak selesai apa-apa baki kredit dalam akaun deposit untuk menetapkan tunggakan dalam akaun pinjaman dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar
Tindakan Undang-undang	Bank berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap anda dan Penjamin (jika ada).
Terma dan Syarat Utama yang lain	Sila rujuk “Terma dan Syarat Standard untuk Kemudahan Kredit”

6) Bagaimana jika saya menyelesaikan Pinjaman Berjangka dengan sepenuhnya sebelum tempoh matang?

Penyelesaian awal / Prabayaran	Dibenarkan	Tempoh Terkunci	Tiada tempoh terkunci
--------------------------------	------------	-----------------	-----------------------

7) Adakah saya perlukan perlindungan insurans?

- Perlindungan insurans Keyman adalah secarai pilihan

8) Apakah risiko utama?

- Jika anda tidak menunaikan kewajipan pembayaran balik anda, sebagai tambahan kepada jumlah tertunggak yang perlu dibayar, anda akan bertanggungjawab ke atas semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk tindakan undang-undang yang akan diambil terhadap anda.
- Jika anda menghadapi sebarang masalah memenuhi kewajipan pinjaman anda, anda perlu hubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik.

9) Adakah saya memerlukan cagaran atau penjamin?

- Semua pemegang saham syarikat / pengarah syarikat dikehendaki menjadi penjamin. Cagaran tidak diperlukan

10) Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran perhubungan saya?

- Ia adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Untuk mengemas kini maklumat surat-menyurat anda, anda boleh hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 1-300-80-3388 atau melawat mana-mana Cawangan Alliance Bank.

11) Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

- Anda boleh hubungi pengurus perhubungan kami di mana-mana Cawangan / Pusat Perniagaan Perbankan terdekat kami (<https://www.alliancebank.com.my/branch-locator>) atau rujuk kepada laman web kami di www.alliancebank.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 1-300-80-3388.

12) Di mana boleh saya dapatkan bantuan?

Isu	Saluran
Jika anda menghadapi sebarang masalah memenuhi kewajipan pinjaman anda, anda perlu hubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik.	Alliance Bank Malaysia Berhad Menara Alliance Bank, 159, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur Tel : 1-300-80-3388 (Malaysia) Tel: +603-5624 3888 (Luar Negara) Emel : info@alliancefg.com Waktu Operasi Cawangan: <u>Semenanjung Malaysia</u> Isnin-Jumaat: 9:15am hingga 4:15pm Sabtu/Ahad/Cuti Awam: Tutup Terminal Layan Diri (eLobby): 24 jam Waktu Penjelasan Cek: 4pm <u>Timur Malaysia</u> Isnin-Jumaat: 9am hingga 4pm Sabtu/Ahad/Cuti Awam: Tutup Terminal Layan Diri (eLobby): 24 jam (kecuali Miri, Sinsuran dan Tawau – dari 6am hingga 12am) Waktu Penjelasan Cek: 4pm
Anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk Perusahaan Kecil Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK yang disebut bawah atau layari AKPK laman web untuk cawangan AKPK di seluruh negara: -	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Aras 5 & 6, Menara Aras Raya, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Tel: 03-2616 7766 Laman web: www.akpk.org.my
Jika anda ingin membuat aduan berkenaan produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:	Alliance Bank Malaysia Berhad (Business Contact Centre) Aras 28, Menara Multi-Purpose, Capital Square, 8 Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur.

	Tel: 1-300-80-3388 (Malaysia) +603-5624 3888 (Luar Negara) Emel: bbcc@alliancefg.com
Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi link atau telelink Bank Negara Malaysia di: -	Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1-300-88-5465 Fax: 03-2174 1515 Laman web: bnmlink.bnm.gov.my

13) Adakah jenis pakej Pinjaman Berjangka lain yang disediakan?

- Untuk tujuan pembelian peralatan/mesin/ pembelian hartanah/premis perniagaan.

Maklumat yang diberikan dalam helaian maklumat ini berkuat-kuasa pada HH-BB-TTTT. Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Penafian: Jumlah sebenar pembiayaan, tempoh dan kadar faedah yang disediakan oleh Alliance Bank adalah bergantung pada penilaian kredit oleh Alliance Bank. Penghantaran Helaian Maklumat Produk kepada anda tidak mewujudkan apa-apa kewajipan oleh pihak bank untuk menyediakan sebarang kemudahan kepada anda

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB ANDA

Pengisytiharan

Pengakuan Am (Untuk Permohonan Pinjaman/Pembiayaan)

- 1) Saya/Kami dengan ini:
 - a) mengakui bahawa saya/kami dibenarkan untuk membuka akaun dan memohon pembiayaan/perkhidmatan yang dinyatakan di sini.
 - b) mengakui bahawa saya/kami tidak melakukan apa-apa tindakan kebangkrapan pada masa akaun dibuka
 - c) bersetuju untuk mematuhi semua keperluan yang dikenakan ke atas saya/kami untuk pembukaan akaun, permohonan Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian, kemudahan pembiayaan atau kemudahan pedagang, dan bersetuju selanjutnya bahawa Alliance Bank Malaysia Bhd/Alliance Islamic Bank Bhd (Bank) berhak menutup akaun, kemudahan pembiayaan atau kemudahan pedagang saya/kami pada budi bicara mutlaknya tanpa memberi sebarang sebab jika saya/kami gagal mematuhi mana-mana keperluan Bank.
 - d) bersetuju bahawa Bank berhak untuk mengimbangi sebarang baki debit dalam Akaun Semasa/Akaun Semasa-i saya/kami daripada Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i/AllianceSave dan/atau Deposit Tetap/Deposit Berjangka-i saya/kami.
 - e) mengesahkan bahawa Bank dibenarkan untuk menentusah dan menyemak maklumat yang diberikan di sini dan untuk mendapat maklumat kredit dan maklumat lain yang berkaitan tentang saya/kami daripada sumber yang dibenarkan pada bila-bila masa.
 - f) memahami bahawa ia adalah polisi Bank untuk menjalankan carian perniagaan/syarikat berkenaan dengan semua akaun perniagaan
 - g) mengesahkan bahawa saya/kami/sedar dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang mentadbir akaun masing-masing dan/atau Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian yang saya/kami miliki dengan Bank.
 - h) bersetuju untuk memeriksa penyata akaun yang dihantar kepada saya/kami dan memaklumkan Bank tentang sebarang kesilapan, penyelewengan dan/atau percanggahan dalam penyata akaun tersebut dan juga untuk memaklumkan Bank jika saya/kami gagal menerima penyata akaun tersebut.
 - i) bersetuju bahawa penamaan kakitangan yang dibenarkan di bawah aplikasi dalam talian di sini akan mengikat saya/kami dan berjanji bahawa sebarang perubahan berkenaan dengan kakitangan yang dibenarkan perlu dilakukan secara bertulis kepada Bank.
- 2) Dengan menyerahkan permohonan ini, saya/kami dengan ini secara nyata dan tidak boleh ditarik balik memberikan kebenaran dan kuasa kepada Bank untuk:
 - a. mendedahkan semua maklumat saya/kami kepada pihak berkuasa atau sumber yang berkaitan bagi mendapatkan dan/atau mengesahkan Nombor Pengenal Cukai (TIN) saya/kami daripada pihak berkuasa cukai atau sumber yang berkaitan untuk tujuan e-Invois; dan
 - b. menggunakan maklumat berkaitan saya/kami yang diberikan di sini termasuk nombor TIN yang telah disahkan untuk pengeluaran e-Invois atau dokumentasi berkaitan bagi sebarang urusan niaga yang berkenaan selaras dengan undang-undang dan peraturan cukai yang terpakai.

Untuk maklumat lanjut mengenai keperluan e-Invois LHDN, sila lawat laman web LHDN di <https://www.hasil.gov.my/e-invois/>.
- 3) Saya/Kami secara muktamad bersetuju dan membenarkan Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat yang diperlukan berkaitan dengan hal ehwal saya/kami, akaun perbankan atau pengendaliannya (termasuk kedudukan kredit saya/kami) kepada mana-mana biro kredit, mana-mana agensi rujukan kredit, Bank Negara Malaysia, mana-mana pihak berkuasa/badan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak berkuasa cukai, mana-mana pihak keselamatan (termasuk penjamin), juruaudit Bank, peguam dan/atau ejen yang dibenarkan atau kepada individu dan/atau entiti seperti yang dibenarkan oleh undang-undang. Saya/Kami dengan ini bersetuju dengan pendedahan sedemikian dan mengesahkan bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara sekalipun kepada saya/kami untuk memberikan maklumat sedemikian.
- 4) Saya/Kami dengan ini mengesahkan dan bersetuju bahawa sebarang data/maklumat (termasuk data peribadi) berkaitan dengan atau timbul daripada atau berhubung dengan permohonan saya/kami di bawah ini dan juga maklumat yang berkaitan dengan hal ehwal saya/atau kami sama ada di bawah ini atau sebaliknya pada permohonan ini mungkin dikekalkan, digunakan dan didedahkan oleh Bank untuk tujuan memproses permohonan ini.
- 5) Saya/Kami dengan ini mengakui dan menjamin bahawa kami telah mendapatkan dan/atau akan mendapatkan persetujuan daripada pegawai, kakitangan, penandatangani yang dibenarkan, pengarah, pemegang saham

individu, penjamin individu, penyedia keselamatan individu, pembekal/vendor dan/atau pihak berkaitan (jika berkenaan) untuk memproses data peribadi mereka bagi tujuan permohonan ini.

- 6) Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk melindungi Bank sebagai bank pemungut terhadap semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan apa-apa liabiliti lain sekalipun yang mungkin ditanggung oleh Bank pada bila-bila masa untuk sebarang cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan oleh saya/kami untuk kutipan dan instrumen sedemikian akan dianggap telah dikutip atas permintaan nyata saya/kami dalam setiap kes untuk kredit akaun saya/kami.
- 7) Saya/Kami bersetuju bahawa Bank berhak untuk menyemak kemudahan dan kemudahan lain sedemikian yang diberikan kepada saya/kami dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa. Saya/Kami bersetuju bahawa Bank berhak untuk mengubah, mengurangkan atau menamatkan kemudahan pada bila-bila masa mengikut budi bicara Bank dan notis akan diberikan untuk sebarang pengubahsuaian/perubahan yang ketara
- 8) Saya/Kami mengesahkan dan mengakui:
 - a) Dalam kes pemilikan tunggal atau perkongsian
Kecuali seperti yang dinyatakan di atas, tidak seorang pun daripada pasangan, ibu bapa, anak, adik-beradik, pasangan dan/atau tanggungan kewangan mereka dan/atau ejen dan penjamin saya bekerja di Bank atau anak syarikatnya dan/atau mempunyai kaitan dengan pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank atau anak syarikatnya.
 - b) Dalam kes syarikat, pertubuhan atau mana-mana badan yang tidak dilindungi di bawah a) di atas
Kecuali seperti yang dinyatakan di atas, tidak seorang pun daripada pengarah, pengurus, pemegang saham yang mengawal kami (sama ada berkepentingan secara langsung atau tidak langsung) dan/atau ejen dan penjamin yang bekerja di Bank atau anak syarikatnya dan/atau mempunyai kaitan dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank atau anak syarikatnya, sama ada sebagai ibu bapa, pasangan, adik-beradik atau anak dan/atau tanggungan kewangan mereka.

Saya/Kami selanjutnya berjanji untuk memaklumkan Bank dengan serta-merta jika mana-mana perhubungan sedemikian yang dinyatakan dalam (a) atau (b) di atas diwujudkan/bertujuan untuk diwujudkan

- 9) Saya/Kami dengan ini menyerahkan SEMUA dokumen yang diperlukan berserta borang kebenaran ini kepada Bank. Saya/Kami dengan ini menyatakan, mengakui dan mengesahkan bahawa SEMUA dokumen yang diserahkan oleh saya/kami adalah tulen dan bahawa maklumat di dalamnya adalah benar dan betul dalam semua aspek. Sekiranya dokumen yang diserahkan kepada Bank adalah tidak lengkap, Bank berhak untuk menangguhkan permohonan sehingga penyerahan semua dokumen yang diperlukan.
- 10) Saya/Kami telah membaca dan memahami Terma dan Syarat kemudahan bersama Lembaran Pendedahan Produk dan dengan ini bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat tersebut. Saya/Kami mengakui bahawa satu salinan untuk setiap satu telah disediakan untuk simpanan saya/kami. Saya/Kami bersetuju secara muktamad bahawa Bank boleh, pada budi bicara mutlak, menolak permohonan atau mengurangkan jumlah (iaitu menawarkan saya/kami jumlah pinjaman/kemudahan yang lebih rendah daripada yang dipohon) tanpa kebenaran saya/kami atau memberikan sebarang sebab untuknya dan dokumen yang disertakan bersama permohonan ini akan menjadi dan kekal sebagai milik Bank. Saya/Kami memahami dan mengakui bahawa jumlah sebenar pembiayaan, tempoh dan kadar faedah/keuntungan yang akan disediakan oleh Bank akan bergantung pada penilaian kredit dan tertakluk kepada budi bicara mutlak Bank. Penghantaran Lembaran Pendedahan Produk kepada saya/kami tidak mewujudkan sebarang kewajipan pada Bank untuk memberikan saya/kami sebarang kemudahan.
- 11) Kecuali dinyatakan sebaliknya di sini, saya/kami setuju yuran saya/kami tidak akan termasuk sebarang cukai semasa dan masa hadapan (jika ada) yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang berkenaan. Pada tarikh kuat kuasa pelaksanaan manamana cukai tersebut pada masa hadapan dan di mana berkenaan, Bank berhak untuk mendapatkan semula cukai sedemikian daripada Syarikat.
- 12) Saya/Kami berjanji untuk memaklumkan Bank dengan serta-merta jika terdapat perubahan dalam sebarang maklumat yang kami telah berikan kepada Bank.

Piawaian Pelaporan Bersama (CRS) / Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA))

Piawaian Pelaporan Bersama (CRS)

- 1) Kami memahami bahawa maklumat yang diberikan oleh kami adalah dilindungi oleh peruntukan penuh terma dan syarat yang mentadbir hubungan kami dengan Bank dan/atau anak syarikatnya, termasuk cawangannya yang menyatakan cara Bank boleh menggunakan dan berkongsi maklumat yang diberikan oleh kami.
- 2) Kami mengakui bahawa maklumat yang terkandung dalam Borang ini dan maklumat kami serta mana-mana akaun boleh lapor mungkin akan diberikan kepada pihak berkuasa cukai negara/bidang kuasa di mana akaun ini

dikekalkan dan ditukar-tukar dengan pihak berkuasa cukai negara/bidang kuasa lain di mana kami mungkin pemastautin cukai, menurut perjanjian antara kerajaan untuk bertukar-tukar maklumat akaun kewangan.

- 3) Kami berjanji untuk menasihati Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari mengenai sebarang perubahan dalam keadaan yang menjejaskan status pemastautin cukai kami atau menyebabkan maklumat di sini menjadi tidak betul atau tidak lengkap (termasuk sebarang perubahan pada maklumat tentang Individu yang Mengawal sebagaimana dikenal pasti dalam Bahagian 3 (2)(a)), dan untuk menyediakan Bank dengan pengesahan diri dan Pengakuan yang sesuai dan dikemas kini dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas perubahan dalam keadaan sedemikian.
- 4) Kami memahami bahawa kami perlu memaklumkan Bank pada masa hadapan jika terdapat sebarang perubahan ke atas kewajipan cukai kami.

Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)

- 1) Saya/Kami menjelaskan dan mengakui bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar, tepat dan lengkap dan Saya/Kami tidak menyembunyikan sebarang maklumat tentang diri saya/kami sendiri. Saya faham bahawa istilah “orang A.S.” bermaksud mana-mana rakyat atau pemastautin Amerika Syarikat.
- 2) Saya/Kami dengan ini membenarkan dan memberi kuasa kepada Alliance Bank Malaysia Berhad /Alliance Islamic Bank Berhad, atau mana-mana sekutunya, termasuk cawangan (secara kolektif “Bank”), untuk melaporkan maklumat saya/kami kepada pihak berkuasa kawal selia selaras dengan keperluan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan, perjanjian atau garis panduan kawal selia atau arahan yang berkenaan.
- 3) Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Bank boleh menahan jumlah sedemikian daripada akaun saya menurut keperluan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh undang-undang, peraturan, perjanjian atau garis panduan atau arahan kawal selia yang berkenaan.
- 4) Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Bank boleh mengklasifikasikan saya sebagai pemegang akaun yang bersikap degil atau institusi kewangan asing yang tidak menyertai (“NPFFI”) dan/atau menggantung, menarik balik atau menamatkan akaun dan/atau kemudahan yang diberikan kepada saya sekiranya saya gagal memberi maklumat dan/atau dokumentasi yang tepat dan lengkap sebagaimana yang diperlukan oleh Bank.
- 5) Saya/Kami berjanji untuk memaklumkan Bank secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar jika terdapat perubahan dalam sebarang maklumat yang saya berikan kepada Bank.